



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 4 Tahun 2023

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN / PROJEK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA TAHUN 2022, 2023 DAN 2024

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan perolehan / projek di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi Tahun 2022, 2023 dan 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan (MOF) mulai suku kedua tahun 2020 telah memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan merancakkan aktiviti ekonomi negara.
- 2.2 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuarat ke – 179 bertarikh 25 Mei 2021 telah meluluskan pelaksanaan PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan / Projek Kerajaan Tahun 2021 dan pekeliling bendahari telah dikeluarkan bagi memberi garis panduan seperti berikut:
- (i) Pekeliling Bendahari UiTM Bil. 4 Tahun 2021 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja / Projek Tahun 2021.
 - (ii) Pekeliling Bendahari UiTM Bil. 1 Tahun 2022 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan / Projek UiTM Tahun 2022.
- 2.3 MOF telah mengemaskini rujukan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkaitan Kaedah Pelaksanaan Perolehan / Projek Kerajaan daripada PK2.2 kepada rujukan yang baru iaitu PK2.21. MOF berpandangan kelonggaran perolehan tersebut masih relevan untuk menyokong pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa.

3. PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PEROLEHAN TAHUN 2022, 2023 DAN 2024

- 3.1 UiTM hendaklah merancang dan melaksanakan proses perolehan lebih awal bagi memastikan semua perolehan dan projek dapat disiapkan dan bayaran disempurnakan menggunakan peruntukan tahunan 2022, 2023 dan 2024 sepertimana yang telah diluluskan oleh Parlimen.
- 3.2 Pelawaan perolehan lebih awal iaitu selewat – lewatnya pada suku kedua tahun 2022, 2023 dan 2024 akan benar – benar membantu pencapaian objektif Kerajaan memberi kelonggaran tatacara ini. Kegagalan UiTM memanfaatkan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) ini akan menjejaskan bukan sahaja usaha merancakkan aktiviti ekonomi negara malah sebarang pertimbangan kelonggaran tatacara pada masa hadapan.
- 3.3 Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2022, 2023 dan 2024 seboleh – bolehnya mengambil kira kelonggaran had nilai yang dibenarkan di bawah Pekeliling ini.

4. KEBENARAN MEMPAKEJKAN PEROLEHAN TAHUNAN BAGI PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN KERJA

- 4.1 Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera di samping membuka lebih banyak peluang perolehan, UiTM dibenarkan untuk mempakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender. UiTM TIDAK dibenarkan untuk mempakejkan perolehan yang perlu dilaksanakan secara tender / sebut harga kepada pembelian terus atau lantikan terus.
- 4.2 Had nilai perolehan yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000 sahaja bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.
- 4.3 Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dipakejkan untuk dilaksanakan secara sebut harga adalah tertakluk kepada syarikat berikut:
 - (i) Perolehan sebut harga tersebut hendaklah dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem FinEProcurement Plus.
 - (ii) Jika di dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) UiTM mencatatkan perancangan pelaksanaan secara tender, PPT tersebut hendaklah dikemaskini di dalam Sistem FinEProcurement Plus kepada sebut harga.
- 4.4 Mana – mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 31 Disember 2024, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan / projek yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada berkuat kuasa.

- 4.5 Had nilai perolehan sebut harga bagi bekalan dan perkhidmatan adalah kekal iaitu melebihi RM50,000 sehingga RM500,000.

5. KAEDAH PEROLEHAN KERJA

- 5.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja UiTM dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Sehingga RM50,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atau ii) mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).
b.	Kerja <i>requisition</i> secara undian	Sehingga RM100,000	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan Jadual Kadar Kerja / Jadual Kadar Harga. • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
			<ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). <ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1.
c.	Sebut harga	Melebihi RM50,000 sehingga RM200,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1.
		Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut :

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
			<ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). <ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1.
		Melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK 1.1 dan PK 2.1.

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
d.	Tender	Melebihi RM1 juta	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan. • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G4 hingga G7. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK 1.1 dan PK 2.1.

5.2 Bagi kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Kerja / Jadual Kadar Harga sehingga RM100,000.00 yang dilaksanakan secara undian, UiTM hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

5.3 Pelaksanaan **projek kerja kecil secara undian** adalah seperti berikut:

- (i) Projek yang bernilai tidak melebihi RM100,000 dengan menggunakan pakai sekurang – kurangnya 70% Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan dan / atau Jadual Kadar Elektrik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Pengurusan perolehan kerja undi dibuat secara manual dan menggunakan Sistem FinEProcurement Plus bagi nilai sehingga RM50,000. Manakala pengurusan perolehan kerja undi bagi nilai melebihi RM50,000 hingga RM100,000 akan dilaksanakan secara manual; dan
- (ii) Tempoh pembinaan projek kerja kecil adalah sehingga tiga (3) bulan dan pembayaran boleh dibuat secara interim berdasarkan kemajuan kerja di tapak. Denda kelewatan adalah sebanyak RM30 sehari bagi nilai projek melebihi RM50,000 sahaja. Perolehan bagi projek yang mempunyai tempoh pembinaan melebihi 3 bulan dan ke atas hendaklah dilaksanakan secara sebut harga rasmi.

- 5.4 Bagi perolehan kerja secara sebut harga yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM1 juta dan tempoh pembinaan sehingga tiga (3) bulan atau tempoh pembinaan melebihi tiga (3) bulan, pengeluaran Surat Setuju Terima, Pesanan Tempatan dan dokumen perjanjian hendaklah mengguna pakai kaedah semasa yang diguna pakai oleh UiTM.
- 5.5 Selain itu, UiTM diberi pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik bagi projek bernilai sehingga RM500,000. UiTM adalah dilantik sebagai Agensi Pelaksana Projek dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

6. HAD NILAI BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS

- 6.1 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi adalah melebihi RM50,000 sehingga RM1 juta bagi perolehan kerja yang tertakluk kepada Pekelling ini.
- 6.2 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi adalah kekal melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

7. TAKLIMAT TENDER / SEBUT HARGA / LAWATAN TAPAK

- 7.1 Tatacara taklimat tender / sebut harga / lawatan tapak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja adalah seperti berikut:
- (i) Taklimat atau lawatan tapak boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian atau hibrid;
 - (ii) Jika taklimat tender dilaksanakan dalam talian, maklumat berkaitan spesifikasi / terma rujukan / brif projek berkenaan perlu jelas, dan terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga / tender memahami kehendak UiTM; dan
 - (iii) UiTM boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga / tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga / tender.

8. KAEDAH PENGENDALIAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEROLEHAN


- 8.1 Mesyuarat Lembaga Perolehan (LP) dan Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi (JKSHR) boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian ataupun hibrid.

11. TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 Julai 2023.

12. TARIKH KUAT KUASA

- 12.1 Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh seluruh sistem Universiti Teknologi MARA, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2024 sahaja. Pelaksanaan pekeliling ini membatalkan Pekeliling Bendahari UiTM Bil. 4 Tahun 2021 dan Pekeliling Bendahari UiTM Bil. 1 Tahun 2022.
- 12.2 Bagi maksud pelaksanaan Pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat – lewatnya pada 31 Disember 2024.
- 12.3 Sekiranya terdapat perbezaan arahan Kementerian Kewangan, peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeliling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui pekeliling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.



WAN HASMADI WAN MOHAMED
Ketua Timbalan Bendahari
(Menjalankan Tugas – Tugas Bendahari)
Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan – Dekan Fakulti
Semua Rektor – Rektor Kampus Negeri
Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam &
Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-BBI(PER.6/6/1)
No. Siri : 100-BBI(PTA/4/2023)